

SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – INSURANS JAMINAN PEKERJA ASING (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Insurans Jaminan Pekerja Asing . (Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terdapat di dalam polisi).	Rujukan kami : 01/03/2024 Nama penawar khidmat kewangan: Liberty General Insurance Berhad Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad Nama produk: Insurans Jaminan Pekerja Asing Tarikh:
---	--

Kontrak Insurans Komersial

Menurut **Perenggan 4(1) Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini **untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda berwajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan ini tidak tepat atau telah berubah.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?

Anda perlu mengemukakan jaminan ini kepada Jabatan Imigresen apabila memohon atau memperbaharui permit kerja bagi pekerja asing anda. Jumlah jaminan ditentukan berdasarkan kewarganegaraan pekerja tersebut oleh Jabatan Imigresen. Anda boleh membuat semakan dengan Jabatan Imigresen atau ejen.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

Jaminan insurans ini akan bertindak sebagai satu jaminan kepada Jabatan Imigresen untuk melindungi perbelanjaan penghantaran pulang sekiranya pekerja anda dikehendaki oleh pihak berkuasa untuk diantar pulang ke negara asal mereka semasa mereka tinggal di Malaysia.

Keadaan ini timbul dari:

- a) Pelanggaran undang-undang Imigresen;
- b) Pekerja anda ditangkap terlibat dalam kegiatan haram dan dilarang seperti dadah, pekerjaan tidak bermoral, dll.;
- c) Syarikat anda dibubarkan dan tidak mampu untuk menyediakan laluan pulang untuk pekerja.

Tempoh perlindungan ditetapkan oleh Jabatan Imigresen, bergantung pada permit kerja, sama ada 12 bulan, 18 bulan atau 26 bulan. Anda perlu membeli jaminan baru apabila memperbaharui permit pekerja anda.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar berbeza bergantung pada syarat-syarat pengunderitan kami dan tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM50.00 setiap insurans jaminan yang dikeluarkan.

Insurans jaminan (berdasarkan kewarganegaraan pekerja X jumlah bilangan pekerja	RM
--	----

Kadar terpakai	RM
-----------------------	----

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah	RM
--	----

Nota: Premium minimum yang dinyatakan adalah sebelum Cukai Perkhidmatan tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia dan tidak termasuk RM10.00 Duti Setem. Premium yang perlu dibayar akan bergantung pada tempoh perlindungan yang diperlukan.

Jumlah Gerenti (setiap pekerja) berdasarkan Warganegara.

WARGANEGARA	JUMLAH PEKERJA (RM) (SETIAP PEKERJA)	WARGANEGARA	JUMLAH PEKERJA (RM) (SETIAP PEKERJA)
Bangladesh	500	Nepal	750
Canada	1,500	Pakistan	750
China	1,500	Philippine	1,000
Hong Kong	500	Sri Lanka	750
India	750	Taiwan	1,000
Indonesia	250	Thailand	250
Myanmar	750	Vietnam	1,500
Turkmenistan	1,500	Uzbekistan	1,500
Kazakhstan	1,500	Laos	1,500
Cambodia	250		

4. Berapakah bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar ialah:

Jenis	Jumlah
Komisen yang dibayar kepada agen insurans	10%
Duti Setem	RM10.00 setiap polisi
Cukai Setem	RM10.00 setiap ganti rugi
Cukai Perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian adalah:

- a) **Tanggungjawab untuk memberitahu** – Anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta yang mana anda ketahui dan harus ketahui yang akan mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan polisi anda.
- b) Anda mestilah memastikan agar segala butiran mengenai pekerja asing anda dilengkapkan sepenuhnya dan dengan betul.
- c) Anda mestilah memaklumkan kepada kami pejabat imigresen yang anda memohon untuk permit kerja.

6. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimakah caranya?

Tidak boleh, sekiranya jaminan insurans telah diserah simpan kepada Jabatan Imigresen.

Boleh, sekiranya polisi belum diserah simpan kepada Jabatan Imigresen dan jaminan insurans asal dikembalikan kepada kami untuk pembatalan, premium akan dibayar balik setelah ditolak duti setem.

7. Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi / surat-menyurat saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda untuk memastikan agar semua urusan surat-menyurat sampai ke tangan anda tepat pada masanya.

8. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Jaminan Pekerja Asing atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi kami secara terus atau mana-mana cawangan kami atau ejen insurans kami mengikut keselesaan anda. Secara alternative, anda boleh melayari lama web kami di www.libertyinsurance.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Liberty General Insurance Berhad

Dahulu dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad
 Liberty Insurance Tower,
 CT9, Pavilion Damansara Heights,
 3 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara,
 50490 Kuala Lumpur
 Tel. No.: 03-2619 9000 (G/L) or 1-300-888-990
 E-mel: customer@libertyinsurance.com.my
 Laman web: www.libertyinsurance.com.my

9. Perlindungan Insurans Pekerja Asing Lain Yang Boleh Didapati

Perlindungan Insurans Pekerja Asing Lain Yang Boleh Didapati Adalah Seperti Berikut:

- Skim Pampasan Pekerja Asing
- Skim Hospital Pekerja Asing

NOTA PENTING:

MAKLUMAT YANG DISEDIAKAN DALAM HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK INI ADALAH RUMUSAN RINGKAS UNTUK RUJUKAN SEGERA DAN MUDAH. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT SEBENAR YANG TERPAKAI DINYATAKAN DALAM KONTRAK POLISI.

ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHWA POLISI INI ADALAH YANG TEBAIK UNTUK KEPERLUAN ANDA. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA SERTA MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Mac, 2024.